

06 JUL 1999

Mahathir-Tekanan

SAYA TIDAK AKAN TUNDUK KEPADA TEKINAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 6 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau tidak akan tunduk kepada tekanan daripada mana-mana pihak untuk mengadakan pilihan raya awal.

"Saya bukan ikan...bila bagi umpan saya bukan nak gigit. Saya akan membuat keputusan saya sendiri pada masa saya sendiri. Jangan cuba umpan saya," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Siemens Futurel@b, sebuah makmal multimedia canggih milik syarikat Jerman, di Menara Berkembar Petronas di sini.

Dr Mahathir berkata beliau masih ada banyak masa untuk mengadakan pilihan raya umum.

"Kita tidak mengadakan pilihan raya semata-mata untuk mengadakan pilihan raya. Kita mempunyai banyak masa lagi," katanya.

Beliau berkata parti-parti pembangkang boleh terus mengadakan ceramah mereka sehingga mereka "keletihan".

"Kita boleh membiarkan mereka mengadakan ceramah sehingga mereka menjadi gelisah. Kita tidak mengadakan ceramah, kita hanya menunggu masa."

Dr Mahathir, yang juga pengerusi Barisan Nasional (BN), berkata BN boleh memenangi "perang bendera" walaupun parti-parti pembangkang kini ghairah memasang bendera di seluruh negara.

"Kita akan lihat berapa banyak bendera mereka boleh pasang. Kita mengalu-alukan mereka untuk memasang lebih banyak bendera tetapi kita akan menang perang bendera itu."

Sementara itu, Dr Mahathir, yang juga presiden Umno, berkata Umno akan mengambil tindakan memecat mana-mana anggota jika mempunyai asas untuk berbuat demikian.

Beliau berkata demikian ketika ditanya sama ada Umno akan mengambil lebih banyak tindakan seperti tindakan memecat yang diambil terhadap Ketua Umno bahagian Tumpat, Datuk Kamaruddin Jaafar dan beberapa anggota yang lain semalam.

"Kita akan kaji. Banyak laporan yang kita terima dan kalau kita dapati ada asas kita akan mengambil tindakan," kata beliau.

Dr Mahathir berkata Kamaruddin dipecat kerana tindakan beliau didapati tidak secocok dengan kedudukannya sebagai seorang pemimpin parti.

Beliau bagaimanapun menafikan Umno sedang mengambil tindakan untuk menyingkirkan pemimpin-pemimpin yang rapat dengan bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Orang itu mesti tunjukkan dia mempunyai kesetiaan pada parti. Kita mengambil kira kegiatannya. Umpamanya dia meminta cuti daripada menjadi ketua bahagian ini sesuatu yang tak pernah kita bagi. Tak ada ketua bahagian yang ambil cuti dan dia juga tidak hadir dalam mesyuarat perwakilan. Juga kita dengar kegiatan dia itu tidak cocok dengan seorang yang menjadi pemimpin atau ketua bahagian," katanya.

Ditanya sama ada pemecatan itu akan menjejaskan Umno dalam pilihan raya umum akan datang, Dr Mahathir berkata ia tidak akan membawa apa-apa kesan kerana bilangannya adalah amat kecil.

Katanya, bilangan yang keluar dari parti kali ini adalah kecil berbanding dengan 1987 apabila pada waktu itu ramai pemimpin Umno termasuk pemimpin peringkat tinggi parti keluar dari Umno untuk mengikut Tengku Razaleigh Hamzah (yang menubuhkan Parti Melayu Semangat 46).

"Kali ini pemimpin-pemimpin kecil sahaja. Ahli-ahli Majlis Tertinggi nampaknya tidak meletakkan jawatan atau mengambil tindakan apa-apa,"

katanya.

Mengenai ramalan Tengku Razaleigh bahawa pilihan raya akan diadakan pada akhir Ogos atau awal September, beliau berkata itu hanyalah spekulasi semata-mata.

-- BERNAMA

RV AKD